

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

CIDB MENINGATKAN KONTRAKTOR UTAMAKAN KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 8 Jun 2018 - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini, mengingatkan kontraktor untuk mengutamakan keselamatan dalam pelaksanaan projek pembinaan.

Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, keselamatan adalah sangat kritikal terutamanya di dalam projek pembinaan yang terletak berhampiran dengan tempat awam.

Mengikut Seksyen 34B (1) (c), Akta CIDB kontraktor bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan.

Sesiapa yang disabitkan bersalah melanggar tanggungjawab tersebut, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000. Sekiranya kesalahan tersebut menyebabkan kematian, denda sehingga RM500,000 boleh dikenakan atau penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Baru-baru ini, di sebuah projek pembinaan di Klang, sebuah *bored pile casing* tertanggal dari rantai pengikat semasa cuba diangkat oleh kren di kawasan yang berhampiran dengan trafik. Namun, tiada kemalangan jiwa atau kerosakan yang dilaporkan.

Manakala di Kuala Lumpur pula, sebuah jentera pengorek tumbang di sebuah tapak pembinaan sehingga menghempap lima kenderaan yang diletakkan di tempat parkir berhampiran. Namun, tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan.

CIDB telah mengeluarkan notis untuk kedua-dua syarikat terbabit hadir ke pejabat CIDB untuk memberi maklumat dan keterangan mengenai kejadian tersebut.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Abdul Rakis Santa (rakis@cidb.gov.my)

03-40477008 / 012-620 0360

Mansor Ahmad (mansor@cidb.gov.my)

03-40477021 / 012-386 4997